

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (78)
Tarikh : 9 Mac 2016

**Ketua Pengarang
Malaysia Nanban**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "SAYA RELA BUNUH DIRI
UNTUK DAPATKAN KEWARGANEGARAAN" BERTARIKH 6 MAC 2016, AHAD – M.S:MUKA DEPAN**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Sinniah Gopal berkaitan kegagalan permohonan taraf kewarganegaraan beliau.

3. Ingin dimaklumkan, hasil semakan mendapati Encik Sinniah Gopal telah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan sebanyak tiga (3) kali iaitu pada 7/7/2011, 21/12/2012 dan 19/8/2014 di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan. Dua permohonan yang terdahulu telah dikeluarkan dengan keputusan tidak berjaya pada 16/10/2012 dan 21/2/2014 manakala permohonan yang ketiga masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri untuk pertimbangan serta kelulusan. Sebarang keputusan berkaitan permohonan tersebut akan dimaklumkan secara bersurat berdasarkan alamat yang telah dikemukakan semasa permohonan dibuat.

4. Ingin dijelaskan jua, penganugerahan status kewarganegaraan hanya akan diberikan kepada mereka yang benar - benar layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan seperti mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu dan berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang menyalahi atau melanggar undang - undang. Namun demikian, memenuhi syarat permohonan bukanlah bermakna permohonan tersebut akan diluluskan kerana ianya anugerah tertinggi kerajaan dan sebarang keputusan adalah muktamad serta tidak layak untuk dipersoalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)